

TUGASAN MINGGU 8

Nama : Andi Arnaisah Binti Andi Arnis

No matrik : 148634

Standard pembelajaran : Membincangkan kepentingan mempelajari sejarah. (Sejarah Tingkatan 3)

Hasil pembelajaran

- 1) Mengetahui pengenalan ilmu Sejarah
- 2) Mengaplikasikan pengetahuan pengenalan ilmu Sejarah.
- 3) Melahirkan idea yang rasional tentang pengenalan ilmu Sejarah.

Strategi Pengajaran

Sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bergantung kepada kreativiti guru merancang, mengolah serta melaksanakan pendekatan, kaedah, teknik secara bersepadu dan sistematik. Murid akan lebih mudah untuk faham sekiranya guru menggunakan pelbagai jenis pendekatan untuk membantu dalam sesi pengajaran. Guru perlulah mengambil berat akan hal ini bagi memastikan murid memahami mengenai topik pembelajaran yang disampaikan.

Oleh itu, bagi subjek sejarah ini, saya telah menggunakan strategi pengajaran iaitu pembelajaran berasaskan inkuiri. Kemahiran inkuiri dapat mengembangkan kemahiran berfikir dan sikap ingin tahu dalam kalangan murid. Dalam subjek sejarah, kita perlu memupuk sikap ingin tahu dalam kalangan pelajar agar mereka mengambil tahu akan sejarah yang berlaku dan sejarah negara sendiri. Sikap ambil tahu ini juga penting agar kita mempunyai semangat cinta akan negara yang tinggi. Semasa melaksanakan inkuiri, murid akan lebih peka kepada keadaan masyarakat dan persekitarannya. Hal ini menjadikan murid seorang yang peka terhadap sekeliling.

Kemahiran inkuiri merupakan kaedah pengajaran dan pengajaran yang berpusatkan murid. Murid berperanan merancang dan menjalankan aktiviti pembelajaran. Guru boleh membahagikan murid kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti, contohnya guru memberikan tajuk mengenai pejuang-pejuang

kemerdekaan untuk membincangkan sumbangan tokoh tersebut. Hal ini menjadikan murid dapat berfikir dan memahami sejarah dengan lebih baik.

Mereka melibatkan diri secara aktif untuk mencari dan mengumpul maklumat melalui pelbagai aktiviti seperti memerhati, mendengar, menyoal, berbincang, membuat rujukan, ujikaji dan kaji siasat. Mereka boleh menggunakan pelbagai sumber rujukan seperti buku, internet, jurnal untuk membuat kajian. Guru juga boleh mengadakan soalan kuiz mengenai sejarah agar dapat menarik minat pelajar.

Kemahiran inkuiri digunakan dalam kajian kes kerana membolehkan murid memperoleh ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran melalui penaakulan. Kemampuan mencari dan mengumpul maklumat melalui pelbagai aktiviti tersebut dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang lebih bermakna dan berkesan. Murid dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Mereka dapat menguasai sejarah dengan baik. Pada akhir pembelajaran, mereka mampu untuk mengetahui kepentingan untuk mempelajari sejarah disebabkan tugas dan soalan yang diberikan oleh guru.